MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Sistem kewangan domestik terus berdaya tahan sepanjang suku keempat, meskipun pasaran kewangan global dan domestik mengalami turun naik yang berterusan, serta persekitaran operasi yang mencabar. Penilaian terhadap risiko kepada kestabilan kewangan menunjukkan bahawa aktiviti pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan. Risiko kepada sistem kewangan yang disebabkan oleh pembiayaan kepada isi rumah dan perkembangan pasaran harta tanah terus dibendung dengan baik meskipun dedahan institusi kewangan kepada sektor-sektor ini semakin meningkat. Ini disokong oleh langkah-langkah tambahan yang dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2013 bagi membendung pembentukan risiko yang seterusnya dalam pasaran harta tanah dalam keadaan kewaspadaan pengawalseliaan yang berterusan terhadap amalan pengurusan dan penilaian risiko oleh institusi kewangan dan inisiatif pendidikan kewangan yang semakin giat.

Risiko kredit dalam sistem perbankan terus stabil pada suku keempat dengan mutu pembiayaan oleh bank kekal tidak berubah. Pada akhir tahun 2013, pinjaman tertunggak antara satu bulan hingga tiga bulan bertambah baik kepada 2.6% daripada jumlah pinjaman (S3 2013: 3.0%), manakala paras pinjaman terjejas bersih kekal stabil pada 1.4% daripada pinjaman bersih, disokong oleh keupayaan peminjam yang terus kukuh untuk membayar balik hutang. Dedahan risiko kredit penanggung insurans, terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta dan penempatan insurans semula, sebahagian besarnya tidak berubah dan mencakupi 3.3% daripada modal asas.

Hutang isi rumah meningkat kepada RM848.1 bilion (S3 2013: RM824.3 bilion) pada akhir bulan Disember 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh pemberian pinjaman oleh bank untuk pembelian harta kediaman dan sekuriti yang bertambah, masing-masing sebanyak 3.2% dan 7.2% pada suku itu. Susulan siri langkah kehematan makro yang diperkenalkan oleh Bank termasuk langkah terhadap pembiayaan peribadi yang berkuat kuasa 5 Julai 2013, pertumbuhan pembiayaan peribadi kepada isi rumah oleh bank dan institusi kewangan bukan bank menurun lagi kepada 0.6% (S3 2013: +2.2%). Kelulusan kemudahan pembiayaan peribadi baharu oleh bank juga terus menyusut sebanyak 21.8% pada suku itu (S3 2013: -8.2%).

Nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak antara satu bulan hingga tiga bulan untuk bank tidak berubah pada 1.3% dan 2.1% daripada pinjaman isi rumah sistem perbankan. Para paras agregat, penampan kewangan isi rumah kekal tidak berubah, dengan aset kewangan pada paras kukuh sebanyak 2.2 kali daripada hutang isi rumah.

Keupayaan membayar balik hutang sektor perniagaan bertambah baik, disokong oleh

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

pendapatan dan kecekapan operasi yang berterusan. Nisbah perlindungan faedah meningkat kepada 6.1 kali pada S3 2013 (S2 2013: 5.0 kali) lantas mengukuhkan lagi keupayaan membayar balik hutang perniagaan agregat dalam keadaan nisbah leveraj yang lebih rendah sebanyak 39.2% (S2 2013: 45.8%). Pemegangan tunai dan kesamaan tunai oleh perniagaan agregat kekal pada 11.5 kali kos kewangan (S2 2013: 12 kali), manakala aset semasa terus stabil pada 1.9 kali liabiliti semasa. Pinjaman tertunggak antara satu bulan hingga tiga bulan bertambah baik kepada 0.4% daripada jumlah pinjaman perniagaan (S3 2013: 0.8%), manakala nisbah pinjaman terjejas kasar bertambah baik kepada 2.9% (S3 2013: 3.2%). Risiko mungkir, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, terus berada pada paras rendah iaitu 0.24% (S3 2013: 0.30%).

Dedahan risiko pasaran bagi institusi kewangan kekal terurus meskipun pasaran kewangan semakin tidak menentu ekoran perkembangan luaran terutamanya strategi pengurangan Federal Reserve AS. Pengantaraan aliran modal jangka pendek yang tidak menentu diurus dengan baik oleh sistem kewangan. Pelabur keinstitusian domestik memberikan sokongan padu meskipun wujud tekanan jualan oleh bukan pemastautin, menyebabkan spread bida-tawar pasaran bon dan ekuiti masing-masing stabil dan berpurata pada 0.1% dan 0.7% daripada harga pertengahan (S3 2013: 0.2% dan 0.4%). Aktiviti dan ketidaktentuan pasaran berkurang menjelang hujung suku keempat berikutan masa pelaksanaan program pengurangan oleh Federal Reserve yang lebih jelas dan faktor akhir tahun bermusim. Nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI masing-masing menurun kepada 9.7% dan 1.6% (S3 2013: 11.9% dan 2.2%). Kadar turun naik purata bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI juga masing-masing menurun kepada 15.5% dan 8.8% (S3 2013: 17.8% dan 10.4%), sejajar dengan nisbah pusing ganti yang lebih rendah.

Sistem Perbankan: Permodalan mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dedahan bank kepada risiko kadar faedah meningkat kepada 5.7% daripada jumlah modal (S3 2013: 4.1%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan kedudukan derivatif kadar faedah bagi tempoh pemegangan yang tempoh matang kurang daripada 10 tahun dan dedahan kepada risiko ekuiti meningkat sedikit kepada 0.7% daripada jumlah modal (S3 2013: 0.6%). Sementara itu, kedudukan terbuka bersih mata wang asing sistem perbankan menurun kepada 5.7% daripada jumlah modal (S3 2013: 6.1%). Risiko pasaran industri insurans meningkat untuk mencakupi 12.2% daripada jumlah modal yang tersedia (S3 2013: 11.7%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh penambahan pelaburan dalam ekuiti sebanyak RM4.6 bilion, didorong terutamanya oleh prestasi kukuh FBM KLCI dan pembelian ekuiti baharu oleh

penanggung insurans hayat sebanyak RM2 bilion. Oleh itu, dedahan risiko ekuiti meningkat kepada 7.6% daripada jumlah modal yang tersedia manakala risiko kadar faedah kekal tidak berubah pada 2.5% daripada jumlah modal yang tersedia.

Sektor kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Permodalan sistem perbankan terus kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal masing-masing melebihi paras minimum pengawalseliaan pada 12.0%, 12.8% dan 14.3%. Paras penampan modal bank yang melebihi keperluan jumlah modal minimum berjumlah lebih daripada RM77 bilion. Lebih daripada 80% jumlah modal merangkumi modal berkualiti tinggi, yang terdiri daripada modal berbayar, keuntungan tertahan dan rizab. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 245.9% (S3 2013: 236.7%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM23.5 bilion.

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM8.3 bilion (S3 2013: RM7.8 bilion) disebabkan oleh perolehan faedah bersih yang lebih tinggi daripada aktiviti pinjaman dan pendapatan fi dan komisen bersih yang lebih tinggi. Penunjuk keberuntungan kekal stabil dengan pulangan atas aset dan ekuiti sebanyak 1.5% dan 15.6% (S3 2013: 1.5% dan 15.7%). Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga mencatat keuntungan lebih tinggi sebanyak RM3.2 bilion (S3 2013: keuntungan sebanyak RM1.4 bilion), didorong oleh kenaikan pada premium bersih dan pendapatan pelaburan

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

bersih yang masing-masing meningkat sebanyak 37% dan 33.8% berbanding dengan suku tahun sebelumnya. Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga terus mencatat kerugian penilaian semula MTM bersih, meskipun pada paras yang jauh lebih rendah sebanyak RM126.2 juta (S3 2013: kerugian tidak direalisasi sebanyak RM1.9 bilion). Penanggung insurans am dan pengendali takaful juga mencatat keuntungan operasi lebih tinggi sebanyak RM1 bilion (S3 2013: RM671.9 juta), disebabkan oleh pendapatan premium yang diperoleh dan pendapatan pelaburan yang meningkat.

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan	4,365.8	17,635.1	1,436.1	3,205.3	13,048.2
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	882.6	2,926.7	671.9	1,036.7	3,219.3
Nisbah tuntutan (%)	57.3	57.3	58.8	57.1	57.1
	Perubahan tahunan				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan	1.2	39.5	-72.6	-26.6	-26.0
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	276.7	63.8	-2.4	17.5	10.0
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-1.4	-1.4	-0.3	-0.2	-0.2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Daya tahan sistem perbankan turut disokong oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem. Penampan untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek dalam tempoh 1 minggu dan 1 bulan masing-masing pada 14.7% daripada jumlah deposit (S3 2013: 14.6% dan 15.7%). Penempatan bersih oleh institusi perbankan dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh dikeluarkan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan, berjumlah RM135 bilion (S3 2013: RM152.2 bilion). Kedudukan ketakpadanan dolar AS dalam kelompok matang kurang daripada 1 minggu dan 1 bulan mencatat lebihan bersih masing-masing sebanyak RM1.5 bilion (S3 2013: lebihan sebanyak RM2.9 bilion) dan RM5.3 bilion (S3 2013: kurangan sebanyak RM2.9 bilion).